

MODUL PINTAS TINGKATAN EMPAT

1 JAM 15 MINIT

3756/1

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

ARAHAN :

1. Jangan Buka Kertas Peperiksaan Ini Sehingga Diberitahu.
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.
3. Jawab semua soalan.
4. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
5. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

NAMA :

TINGKATAN :

Kertas peperiksaan ini mengandungi 22 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

- 1 Apakah badan perakaunan yang menentukan keperluan minimum dan garis panduan dalam penyediaan laporan kewangan?
- A *Malaysian Institute of Accountants (MIA)*
 - B *Malaysian Accounting Standard Board (MASB)*
 - C *Chartered Institute of Management Accountants (CIMA)*
 - D *Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)*
- 2 Bilakah rekod perakaunan paling awal ditemui?
- A 400 SM
 - B 3 500 SM
 - C Abad ke-14
 - D Abad ke-17
- 3 Perbualan berikut berlaku antara pengurus Syarikat Berjaya dengan pekerjaanya.

Pengurus	:	Ahmad, laporan kewangan yang kamu sediakan mesti memenuhi ciri kualitatif seperti bebas daripada kesilapan material dan tiada unsur berat sebelah.
Pekerja	:	Baik, tuan.

Apakah ciri kualitatif yang dimaksudkan oleh pengurus syarikat tersebut?

- A Pemasaan
- B Kerelevanan
- C Kebolehsahan
- D Perwakilan benar

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm

- 4 Situasi berikut diperoleh daripada Perniagaan Impian Studio.

Encik Malik, pemilik Impian Studio bercadang membeli sebuah kamera keluaran terkini yang dijangka dapat meningkatkan keuntungan syarikat untuk beberapa tahun akan datang.

Apakah prinsip, andaian dan batasan perakaunan yang berkaitan?

- A Prinsip kos
- B Kos manfaat
- C Entiti berasingan
- D Usaha berterusan

- 5 Berikut merupakan ciri sebuah organisasi.

- Jumlah minimum anggota 50 orang.
- Modal dikumpul melalui fi masuk dan jualan saham.
- Keuntungan diagihkan dalam bentuk dividen.

Apakah organisasi yang bersesuaian dengan ciri di atas?

- A Bersatu Berhad
- B Bersatu Enterprise
- C Perkongsian Bersatu
- D Koperasi Bersatu Berhad

- 6 Antara berikut, manakah komponen dalam Penyata Pendapatan?

- I Aset
- II Hasil
- III Belanja
- IV Liabiliti

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 7 Manakah hasil yang tidak melibatkan penerimaan wang bagi Kedai Dobi Wangi?
- A Faedah atas simpanan
 - B Hasil perkhidmatan dobi
 - C Untung atas pelupusan mesin
 - D Komisen daripada pembekal sabun

- 8 Urus niaga berikut telah berlaku dalam Perniagaan Amir Bizz.

Pelanggan telah menjelaskan hutang RM7 400 dengan cek dan menerima diskaun RM250.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

- A Aset meningkat RM250, Ekuiti Pemilik meningkat RM250
 - B Aset berkurang RM250, Ekuiti Pemilik berkurang RM250
 - C Aset meningkat RM7 150, Ekuiti Pemilik berkurang RM250
 - D Aset berkurang RM7 400, Ekuiti Pemilik meningkat RM250
- 9 Carta akaun berikut diperoleh daripada Syarikat Hani Sdn. Bhd.

Kod	Klasifikasi Akaun
1 000 – 1 999	Aset
2 000 – 2 999	Liabiliti
3 000 – 3 999	Belanja
4 000 – 4 999	Hasil

Apakah akaun yang sesuai dengan kod 3003?

- A Bank
- B Alat tulis
- C Kenderaan
- D Faedah atas simpanan

10 Dokumen 1 diperoleh daripada Kedai Perabot Zita.


SALINAN	INVOIS Kedai Perabot Zita No. 30, Jalan Melati, 43100 Hulu Langat, Selangor.	KPH0032		
Kepada: Hotel Tania No. 5, Jalan Baiduri, 43100 Hulu Langat, Selangor.		Tarikh: 5 April 2022		
Bil.	Butir	Kuantiti	Harga Seunit RM	Jumlah RM
1	Almari pakaian	20	700 00	14 000 00
2	Tilam	5	1 200 00	6 000 00
				20 000 00
Tolak: Diskaun niaga 10%				2 000 00
Jumlah				18 000 00
Ringgit Malaysia : Lapan Belas Ribu sahaja Syarat : 5% 7 hari, 2% 14 hari Serahan : Angkutan dibayar K. & K. di K				
<u>Tania</u> Penerima			<u>Zita</u> Pengurus	

Dokumen 1

Berapakah jumlah yang perlu dibayar oleh Hotel Tania kepada Kedai Perabot Zita jika hutang dijelaskan pada 12 April 2022?

- A RM17 100
- B RM17 640
- C RM19 000
- D RM19 600

- 11 Aliran dokumen berikut berlaku dalam urus niaga kredit.



Apakah X?

- A Invois
 - B Nota kredit
 - C Makluman debit
 - D Baucar pembayaran
- 12 Apakah dokumen yang dikeluarkan oleh pembekal kepada pelanggan sebagai peringatan tentang baki hutangnya?
- A Penyata Gaji
 - B Penyata Bank
 - C Penyata Akaun
 - D Penyata Kewangan
- 13 Apakah kegunaan Buku Tunai Runcit?
- A Merekod semua penerimaan dan pembayaran tunai
 - B Memastikan tunai yang mencukupi dalam perniagaan
 - C Mengawal aliran masuk dan keluar tunai dalam perniagaan
 - D Mengelakkan pembayaran menggunakan cek untuk perbelanjaan kecil

14 Urus niaga berikut berlaku dalam Perniagaan Honey Buzz.

Pada 1 Ogos 2022, pemilik membawa masuk sebuah komputer RM2 500 untuk kegunaan perniagaan.

Apakah catatan yang tepat dalam Jurnal Am?

A Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit
2022 Ogos 1	Modal Alatan pejabat		RM 2 500	RM 2 500

B Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit
2022 Ogos 1	Alatan pejabat Modal		RM 2 500	RM 2 500

C Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit
2022 Ogos 1	Ambilan Modal		RM 2 500	RM 2 500

D Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit
2022 Ogos 1	Modal Ambilan		RM 2 500	RM 2 500

- 15 Maklumat berikut diperolehi daripada perniagaan Amy Trading.

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	Jumlah
2021		RM
Ogos 6	Syarikat Anggun Pesona	350
15	Seri Ayu Enterprise	310
31	Q	660

Apakah Q?

- A Jurnal Belian
- B Akaun Belian
- C Akaun Pulangan Belian
- D Jumlah Pulangan Belian

16 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kedai Pakaian Fesyen Ria.

2022		RM
April 3	Jualan barang niaga kepada Hafiz secara kredit	1 650
28	Hafiz menjelaskan hutangnya dengan cek	1 500
	Diskaun diberi	150

Bagaimanakah urus niaga bertarikh 28 April 2022 dicatat dalam Buku Tunai?

A Buku Tunai (ruangan bank)

Tarikh	Butir	Diskaun	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Bank
2022		RM	RM			RM	RM
Apr. 28	Hafiz	150	1 650				

B Buku Tunai (ruangan bank)

Tarikh	Butir	Diskaun	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Bank
		RM	RM	2022		RM	RM
				Apr. 28	Hafiz	150	1 650

C Buku Tunai (ruangan bank)

Tarikh	Butir	Diskaun	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Bank
2022		RM	RM			RM	RM
Apr. 28	Hafiz	150	1 500				

D Buku Tunai (ruangan bank)

Tarikh	Butir	Diskaun	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Bank
		RM	RM	2022		RM	RM
				Apr. 28	Hafiz	150	1 500

17 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Elisha Trading.

		RM
1 Mei 2022	Jumlah penerimaan	400
1 – 31 Mei 2022	Jumlah pembayaran	340
31 Mei 2022	Baki akhir	60

Berapakah jumlah wang yang perlu dituntut pada 1 Jun 2022?

- A RM60
- B RM340
- C RM400
- D RM460

18 Gambar di bawah menunjukkan aset-aset bagi Kedai Roti Lazat.



Apakah pengelasan akaun bagi aset-aset tersebut?

- A Akaun Nyata
- B Akaun Modal
- C Akaun Belanja
- D Akaun Nominal

- 19 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Alatan Sukan Muiz.

Jurnal Pulangan Jualan

Tarikh	Butir	Jumlah
2022		RM
Jun 6	Kedai Sukan Amar	150
15	SMK Seri Alam	110
30	Akaun Pulangan Jualan	260

Pilih catatan yang betul.

A **Akaun Pulangan Jualan**

2022		RM
Jun 6	Kedai Sukan Amar	150
15	SMK Seri Alam	110

B **Akaun Pulangan Jualan**

2022		RM
Jun 30	Akaun Belum Terima	260

C **Akaun Pulangan Jualan**

	2022	RM
	Jun 30	Akaun Belum Terima 260

D **Akaun Pulangan Jualan**

	2022	RM
	Jun 6	Kedai Sukan Amar 150
	15	SMK Seri Alam 110

20 Urus niaga berikut diambil daripada buku Kedai Elektrik Amira.

Pemilik mengambil 2 unit pendingin hawa yang berharga RM2 300 seunit untuk kegunaan perniagaan.

Pilih catatan yang betul.

A

Akaun Ambilan	
Belian	RM 4 600
Akaun Belian	
Ambilan	RM 4 600

B

Akaun Lengkapan	
Belian	RM 4 600
Akaun Belian	
Lengkapan	RM 4 600

C

Akaun Ambilan	
Belian	RM 4 600
Akaun Belian	
Ambilan	RM 4 600

D

Akaun Lengkapan	
Belian	RM 4 600
Akaun Belian	
Lengkapan	RM 4 600

21 Antara berikut, manakah butir dalam Akaun Kawalan Belum Terima yang diperoleh daripada Buku Tunai?

- I Jualan Tunai
- II Cek Tak Laku
- III Diskaun Diberi
- IV Diskaun Diterima

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

22 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Ibnu Sina.

	RM
Baki awal Akaun Belum Bayar	4 500
Baki akhir Akaun Belum Bayar	3 240
Belian kredit	53 240
Pulangan keluar	1 540

Berapakah jumlah pembayaran yang perlu dibuat kepada Akaun Belum Bayar jika 10% diskaun tunai diterima?

- A RM39 564
- B RM45 396
- C RM47 664
- D RM50 436

23 Antara berikut, manakah fungsi Imbangan Duga?

- I Menyemak ketepatan Penyata Kewangan
- II Memudahkan penyediaan Buku Catatan Pertama
- III Menyemak ketepatan Catatan Bergu dalam lejar
- IV Menyemak ketepatan pengiraan dalam Buku Catatan Pertama

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24 Pilih catatan yang betul.

A Imbangan Duga pada 31 Mei 2022 (petikan)

Butir	Debit	Kredit
Modal	RM 7 500	RM
Ambilan		220
Pulangan masuk		600

B Imbangan Duga pada 31 Mei 2022 (petikan)

Butir	Debit	Kredit
Modal	RM	RM 7 500
Ambilan	220	
Pulangan masuk		600

C Imbangan Duga pada 31 Mei 2022 (petikan)

Butir	Debit	Kredit
Modal	RM 7 500	RM
Ambilan		220
Pulangan masuk	600	

D Imbangan Duga pada 31 Mei 2022 (petikan)

Butir	Debit	Kredit
Modal	RM	RM 7 500
Ambilan	220	
Pulangan masuk	600	

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm

- 25 Berikut ialah inventori akhir Kedai Perabot Mewah Habib.

Butir	Harga Kos	Harga Pasaran
Almari Jati	RM9 650	RM10 000
Meja Jati	RM6 400	RM6 300

Pilih catatan yang betul.

	Butir	Debit RM	Kredit RM
A	Akaun Inventori	15 950	
	Akaun Perdagangan		15 950
B	Akaun Perdagangan	15 950	
	Akaun Inventori		15 950
C	Akaun Inventori	16 050	
	Akaun Perdagangan		16 050
D	Akaun Perdagangan	16 050	
	Akaun Inventori		16 050

- 26 Apakah butiran yang terlibat untuk mengira kos jualan?

- A Pulangan masuk
- B Pulangan keluar
- C Angkutan keluar
- D Inventori akhir alat tulis

- 27 Akaun Perdagangan berikut mengandungi beberapa kesilapan.

Perniagaan Che Manis
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 April 2022

	RM		RM
Inventori awal	9 100	Jualan	45 200
Belian	35 400	Pulangan masuk	320
Ambilan	2 700	Inventori akhir	11 400
Pulangan keluar	450	Jualan kenderaan	990
Untung kasar	10 260		
	<u>57 910</u>		<u>57 910</u>

Berapakah untung kasar Perniagaan Che Manis jika Akaun Perdagangan itu disediakan dengan tepat?

- A RM11 970
 B RM11 780
 C RM12 230
 D RM13 220
- 28 Pada akhir tempoh perakaunan, baki-baki berikut diperolehi daripada buku perniagaan Zayyan Enterprise.

	RM
Aset	45 000
Liabiliti	13 230

Berapakah modal awal jika Zayyan Enterprise mengalami kerugian sebanyak RM3 670?

- A RM16 900
 B RM28 100
 C RM31 770
 D RM35 440

29 Pilih catatan penutupan yang betul.

A

Akaun Promosi			
2022	RM	2022	RM
Ogos 31 Bank	370	Ogos 31 Akaun Perdagangan	370
	<u>370</u>		<u>370</u>

B

Akaun Angkutan Masuk			
2022	RM	2022	RM
Ogos 31 Akaun Perdagangan	600	Ogos 31 Tunai	600
	<u>600</u>		<u>600</u>

C

Akaun Kenderaan			
2022	RM	2022	RM
Ogos 31 Modal	50 000	Ogos 31 Akaun Untung Rug	50 000
	<u>50 000</u>		<u>50 000</u>

D

Akaun Sewa Diterima			
2022	RM	2022	RM
Ogos 31 Akaun Untung Rugi	900	Ogos 31 Bank	900
	<u>900</u>		<u>900</u>

30 Maklumat berikut berkaitan perakaunan asas akruan.

- Amaun yang perlu dibayar untuk satu tempoh perakaunan.
- Sebahagian amaun masih belum dijelaskan hingga akhir tempoh perakaunan.

Apakah butiran yang bersesuaian dengan ciri-ciri di atas?

- A Insurans prabayar
- B Insurans belum bayar
- C Sewa belum terima
- D Sewa belum terperoleh

- 31 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Zaiti.

	1 Jun 2021	31 Mei 2022
	RM	RM
Gaji belum bayar	550	700

Gaji sebanyak RM2 650 telah dibayar dengan cek dalam tempoh perakaunan.

Berapakah jumlah gaji bagi tahun kewangan tersebut?

- A RM1 400
- B RM2 150
- C RM2 800
- D RM3 350

- 32 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Aimi Enterprise.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2022 (petikan)

	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	5 800	
Peruntukan Hutang Ragu		395

Pemilik telah memutuskan bahawa Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan 3% ke atas Akaun Belum Terima.

Apakah kesan terhadap hasil atau belanja perniagaan?

- A Hasil berkurang RM221
- B Hasil bertambah RM221
- C Belanja berkurang RM174
- D Belanja bertambah RM174

- 33 Perniagaan Liyana membekalkan maklumat berikut mengenai aset bukan semasa perniagaannya.

	1 Jun 2021	31 Mei 2022
	RM	RM
Kenderaan	60 000	100 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	20 000	?

Maklumat tambahan:

Sebuah kenderaan peribadi dibawa masuk oleh pemilik pada 30 November 2021. Kadar susut nilai 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Berapakah susut nilai terkumpul kenderaan pada 31 Mei 2022?

- A RM12 000
 - B RM14 000
 - C RM20 000
 - D RM32 000
- 34 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Mayang.

Harga kos mesin	RM 20 000
Tarikh belian mesin	1 Julai 2019
Kadar susut nilai	20% setahun atas kos
Tarikh penjualan mesin	31 Disember 2021
Harga jualan mesin	RM 9 600

Berapakah untung atau rugi atas pelupusan mesin?

- A Rugi atas pelupusan RM400
- B Rugi atas pelupusan RM1 400
- C Untung atas pelupusan RM400
- D Untung atas pelupusan RM1 400

- 35 Berapakah jumlah sewa yang perlu direkodkan dalam Imbangan Duga Terselaras jika sewa bulanan ialah RM500 hanya dibayar setakat sembilan bulan pada tahun perakaunan semasa?
- A RM500
 - B RM1 500
 - C RM4 500
 - D RM6 000

- 36 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Isma.

Pada 31 Disember 2021, gaji yang telah dibayar ialah RM12 500 dan RM700 masih belum dibayar.

Apakah catatan dalam Penyata Kewangan?

	Akaun Untung Rugi	Penyata Kedudukan Kewangan
A	Gaji RM12 500	Gaji belum bayar RM700
B	Gaji RM13 200	Gaji belum bayar RM700
C	Gaji RM12 500	Gaji prabayar RM700
D	Gaji RM13 200	Gaji prabayar RM700

- 37 Manakah yang dikategorikan sebagai kesilapan ketara dalam Imbangan Duga?
- A Kesilapan prinsip
 - B Kesilapan komisen
 - C Kesilapan songsang
 - D Kesilapan pengiraan

- 38 Petikan akaun berikut diperolehi daripada buku perniagaan Mee Yun Enterprise.

Akaun Komisen Diterima

2022		RM
Jan. 5	Bank	500

Akaun Bank

	2022	RM
	Jan. 5	Komisen diterima 500

Bagaimanakah kesilapan tersebut dibetulkan dalam Jurnal Am pada 31 Januari 2022?

A Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit
2022			RM	RM
Jan. 31	Komisen diterima		1 000	
	Bank			1 000

B Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit
2022			RM	RM
Jan. 31	Bank		1 000	
	Komisen diterima			1 000

C Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit
2022			RM	RM
Jan. 31	Bank		500	
	Komisen diterima			500

D Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit
2022			RM	RM
Jan. 31	Komisen diterima		500	
	Bank			500

- 39 Pulangan jualan dan pulangan belian masing-masing terkurang rekod RM75.

Apakah kesannya kepada Penyata Kewangan bagi tahun semasa?

	Untung kasar	Untung bersih
A	Tiada kesan	Tiada kesan
B	Tiada kesan	Berkurang
C	Berkurang	Tiada kesan
D	Bertambah	Berkurang

- 40 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perakaunan Perniagaan Mollie.

Diskaun diterima RM280 telah dikreditkan ke Akaun Belum Bayar dan didebitkan ke Akaun Diskaun.

Apakah kesan kesilapan tersebut terhadap untung bersih?

- A Untung bersih bertambah RM280
- B Untung bersih berkurang RM560
- C Untung bersih berkurang RM280
- D Untung bersih bertambah RM560

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT